

# Calon perkhidmatan awam ditapis dalam talian mulai 1 Januari

*kosmo ms 6 20/12/2012*  
**PUTRAJAYA** - Mulai 1 Januari depan, semua permohonan calon untuk menyertai perkhidmatan awam akan ditapis secara dalam talian sebelum layak dipanggil menduduki peperiksaan dan temu duga.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam yakin melalui kaedah baharu itu, tempoh pengesahan jawatan penjawat awam yang sebelum ini memakan masa satu hingga tiga tahun dapat dikurangkan kepada enam bulan hingga setahun.

Katanya, tapisan memabitkan 14 perkara termasuk kesahihan kewarganegaraan, sijil kelayakan, rekod jenayah dan kewangan dengan pengesahan dibuat hanya beberapa jam setiap calon.

"Ini adalah satu inovasi yang pertama kali dilakukan kerana sebelum

ini, penapisan latar belakang penjawat awam dilakukan dalam tempoh tiga tahun sebelum mereka sah jawatan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat SPA bersama

kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri di bawah bidang kuasa SPA di sini semalam.

Menurutnya, cara itu terbukti berkesan ketika temu duga 24 jawatan jurutera pada Jun lalu dengan surat tawaran perkhidmatan kepada calon yang layak diberi sebaik sahaja mereka selesai temu duga.

"Ini menunjukkan kesegeraan yang kita ingin laksanakan dan kita minta kerjasama semua kementerian dan jabatan memaklumkan segera kekosongan jawatan pada mesyuarat setiap bulan," katanya.



**MAHMOOD**

BH MS4 20/12/2012

# Ditapis secara dalam talian

» *Saringan masuk perkhidmatan awam babitkan 14 perkara*

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**  
zanariah@bharian.com.my

► **Putrajaya**

**M**ulai Januari depan, semua permohonan memasuki perkhidmatan awam akan ditapis secara dalam talian sebelum ca-

lon yang layak dipanggil menduduki peperiksaan dan temu duga.

Melalui cara ini, tempoh pengesahan jawatan kakitangan awam yang sebelum ini mengambil masa tiga tahun akan disingkatkan kepada antara enam bulan hingga setahun.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam, berkata tapisan itu membabitkan 14 perkara termasuk kesahihan kewarganegaraan, sijil kelayakan serta rekod jenayah dan ia dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa jam saja bagi setiap calon.

“Kita akan berhubung terus

dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi memeriksa sama ada calon itu warga Malaysia dan mengesahkan sijil kelayakan mereka dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

## **Bekerjasama dengan polis**

“Selain itu, kita juga bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan bagi semakan rekod jenayah calon selain Jabatan Insolvency untuk mengetahui sama ada calon itu muflis atau tidak.

“Ini adalah inovasi pertama

kali dilakukan kerana sebelum ini, penapisan latar belakang kakitangan awam hanya dilakukan dalam tempoh tiga tahun sebelum mereka sah jawatan,” katanya selepas memengerusikan Mesyuarat SPA dengan Kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri di bawah bidang kuasa SPA, di sini semalam.

Mahmood menjelaskan, cara itu terbukti berkesan apabila pihaknya menjalankan temu duga bagi 24 jawatan jurutera Jun lalu dan surat tawaran perkhidmatan kepada calon yang layak dapat diberikan sebaik saja selesai temu duga.

**AKHBAR : THE SUN**

**TARIKH : 20/12/2012**

**MS : P2**

# Pre-interview vetting for PSC applicants

The Sun 20/12/2012 p.2

BY **HEMANANTHANI SIVANANDAM**  
newsdesk@thesundaily.com

**PUTRAJAYA:** The Public Service Commission (PSC) will implement an early vetting process of online applications for new appointments in the civil service beginning next year.

PSC chairman Tan Sri Mahmood Adam said the vetting process will be done even before the candidate is called for an interview at the respective government agencies or department or before the candidate is asked to sit for a special examination.

He said at present, the screening is only done once a person is accepted into the civil

service. Areas that are looked into include checking if the person is a Malaysian citizen, the validity of certificates submitted and criminal and bankruptcy records.

"This is an in-house process with the help of government agencies and ministries to verify if a person is qualified before we can call them for an interview.

"Now the vetting is done only when the person enters the civil service, so it's not proper," he told a press conference yesterday.

Mahmood said the PSC is also looking into expediting appointments into the civil service.

The measures include making on-the-spot offers to qualified candidates, upon

completion of their interviews.

He said such an approach has been taken in hiring qualified engineers into the service.

"We need engineers and we hire them based on their merit, so if they qualify and we think they are the right candidate once they have gone through the interview, we will offer them on the spot," he added.

Mahmood said so far 24 engineers who graduated from local and international institutions have been hired in this manner and hopes it will be extended to other positions in the civil service as well.

He also said there will be 7,000 openings in the civil service due to retirements next year.

20/12/2012 HARIAN METRO A48

# Tapis staf atas talian

SPA pastikan pemohon 'bersih' daripada awal

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya\_t@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Mulai 1 Januari depan, semua permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam akan ditapis secara atas talian (online) bagi memastikan individu yang 'bersih' saja diterima berkhidmat dengan kerajaan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam berkata, setiap permohonan akan ditapis membabitkan 14 perkara termasuk pengesahan kewarganegaraan Malaysia, sijil kelayakan yang sah dan rekod jenayah serta status muflis, sebelum calon layak dipanggil menduduki peperiksaan atau temu duga.

Menurutnya, sebelum ini proses tapisan hanya dibuat ketika proses pengesahan jawatan, iaitu kira-kira tiga tahun selepas berkhidmat.

"Sebelum ini, tapisan hanya dibuat bila nak sahkan jawatan, bayangkan orang dah masuk pejabat kerajaan baru nak tapis. Ini tak elok dan tak tepat, jadi kita cari satu penambahbaikan dan ini inovasi baru yang pertama kali dilakukan.

"Kita akan mendapatkan pengesahan secara terus dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesahkan taraf kewarganega-



**"Sebelum ini,  
tapisan hanya  
dibuat bila nak  
sahkan jawatan,  
bayangkan orang  
dah masuk  
pejabat kerajaan  
baru nak tapis.  
Ini tak elok  
dan tak tepat"**

>Tan Sri Mahmood Adam

raan dan mengesahkan sijil kelayakan dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Bagi rekod jenayah pula, kita akan berhubung dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, se-

lain Jabatan Insolvensi untuk mengetahui sama ada calon itu muflis atau tidak serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk mengetahui sama ada calon terbabit dengan penagihan dadah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat SPA bersama kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri di bawah bidang kuasa SPA di sini, semalam.

Mahmood berkata, melalui kaedah itu juga tempoh pengesahan jawatan kakitangan awam dapat disingkatkan antara enam bulan hingga setahun.

Katanya, langkah itu terbukti berkesan apabila 24 jurutera berkelayakan yang ditemu duga Jun lalu terus ditawarkan jawatan dipohon sebaik saja temu duga selesai.

"Ini menunjukkan kesegeraan yang ingin dilaksanakan, jadi kita minta semua kementerian dan jabatan supaya memaklumkan kekosongan jawatan di tempat masing-masing pada setiap bulan," katanya.

Menurutnya, setiap tahun SPA menerima 1.2 juta permohonan dan tahun depan dijangkakan hampir 50,000 jawatan dalam perkhidmatan awam akan diisi termasuk bagi 7,000 kekosongan berikutan persaraan kakitangan yang mencapai usia 60 tahun.

# Vetting first, then PSC offer

*The Star  
20 December 2012  
12/19 20*

## Early checks to expedite selection process

By **JOSEPH SIPALAN**  
jsipalan@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The Public Services Commission (PSC) will vet applicants for Government jobs from an early stage starting Jan 1.

PSC chairman Tan Sri Mahmood Adam said vetting was now only being done at the final stage when a candidate is just about to be confirmed.

"Imagine, by the time we vet an individual, the person has already entered a Government department ... that is not proper," he said after meeting with heads of federal ministries and departments and state administrations under the PSC.

"By vetting applicants at the very beginning, if we find any problem, we can tell them (applicants) to sort it out first."

Mahmood said vetting applicants from the very beginning would help expedite the selection process.

He explained that during the vetting proc-

ess, an applicant's citizenship and educational certificates would be verified.

Other than that, they will also check whether he has a criminal record, history of drug abuse or has been declared bankrupt.

There are also plans to expand the issuance of on-the-spot offer letters to successful candidates, as done in the appointment of civil engineers.

"An offer letter will be issued immediately after the interview. If the candidate is impressive, then why not? So far, 24 engineers have been appointed this way," he said.

Mahmood added that the PSC was also working on speeding up the decision-making process on promotion of civil servants to higher posts, which currently could take up to three years.

He said the PSC expected a total of 50,000 vacancies in the Government in 2013, including 7,000 vacancies following the retirement of civil servants who will reach the new retirement age of 60 next year.